



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْهَوَالِ اِكَامَةُ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

21 SAFAR 1447H/ 15 OGOS 2025M

“PERINGATAN HARI AKHIRAT”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

Khutbah pertama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

﴿البقرة: 281﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH JUMAAT SEKALIAN

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan juga berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita semua akan diberikan ganjaran pahala serta diberikan keluasan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat kelak. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk ***“Peringatan Hari Akhirat”***.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Hari akhirat adalah suatu yang pasti. Mempercayainya merupakan rukun bagi mereka yang beriman kepada Allah SWT dan para Rasul-Nya. Hari akhirat ialah hari kiamat ketika seluruh alam dimusnahkan, setiap yang

bernyawa dimatikan, gunung ganang dihancurkan, langit dan bumi berkecai. Pada hari tersebut tiada yang kekal melainkan zat Allah yang Maha Esa.

Semua makhluk ketika itu akan dibangkitkan dan dihimpunkan di Padang Mahsyar. Dihitung amalan mereka sewaktu berada di dunia untuk menentukan sama ada berjaya ke syurga atau ke neraka. Demikianlah janji Allah SWT, yang menjadikan dunia sebagai persinggahan untuk manusia mentaati Penciptanya, memakmurkan bumi dan mencurahkan bakti sebelum berpindah ke alam akhirat yang kekal abadi. Inilah akidah Islam yang indah, menawarkan kepercayaan yang mudah difahami, menyedarkan manusia bahawa hidup mempunyai tujuan dan setiap perbuatan akan diadili dan diberi balasan pada hari akhirat. Terdapat banyak ayat al-Quran mengenai hari akhirat dan suruhan Allah SWT untuk ummah mempersiapkan diri sebelum kedatangannya. Antaranya, ayat 281 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah.

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

Bermaksud: *“Dan takutlah diri kamu huru-hara (hari akhirat), yang padanya kamu semua akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian setiap orang akan disempurnakan oleh Allah balasan mengikut apa-apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak dizalimi.”*

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Melalui ayat ini terdapat tiga perkara utama yang perlu kita berikan tumpuan:

Pertama: Peringatan takwa terhadap hari akhirat.

Takwa terhadap hari akhirat bermaksud mengambil perhatian, berjaga jaga dan berhati-hati sebelum kedatangannya dengan melakukan persiapan diri bagi menghadapinya. Menurut tafsir al-Tahrir Wat-Tanwir, kunci untuk selamat dari huru-hara hari akhirat adalah dengan meninggalkan semua larangan Allah SWT dan melakukan segala perintah yang diwajibkan, disamping memperbanyakkan amal soleh. Apabila tiba hari tersebut, semua manusia akan kembali kepada Penciptanya untuk dihisab setiap amalan mereka seperti yang terkandung dalam ayat 6 hingga 8 surah al-Zalzalah:

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾ (الزلزلة: 6-8)

Bermaksud: “Pada hari itu manusia keluar bertempieran (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) semua perbuatan mereka. Maka sesiapa melakukan kebaikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalannya). Dan sesiapa melakukan kejahatan walau seberat zarah sekalipun, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalannya).”

Kedua: Setiap manusia akan disempurnakan balasan amalnya sesuai dengan apa yang diusahakannya.

Ketika manusia dihipunkan di mahkamah ‘*rabbuljalil*’, tiada seorang pun yang akan terlepas dihisab amal perbuatannya. Ketika itu manusia tertanya-tanya apakah nasib yang bakal menimpa diri, sehingga tiba giliran untuk ditimbang catatan amalannya. Ketika itu tidak ada peguam bela yang boleh dilantik untuk membela dirinya, juga tidak ada saksi yang boleh diupah untuk tidak bercakap benar. Apa yang akan dibentangkan di hadapan Allah SWT ialah catatan daripada Malaikat Raqib dan ‘Atid,

malaikat yang ditugaskan mencatat setiap perbuatan manusia semasa hayatnya, termasuk apa yang didengari oleh telinga, apa yang dilihat oleh mata, apa yang dilafazkan oleh mulut, apa yang dikerjakan oleh tangan dan di tempat mana kaki pernah berpijak. Firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi ayat 49 **yang bermaksud:** *“Dan dibentangkan kitab-kitab (catatan amalan), lalu kamu akan melihat orang yang berdosa ketakutan terhadap sesuatu yang (tertulis) di dalamnya dan mereka berkata, “Aduhai, celakalah kami! Kitab apakah ini yang tidak meninggalkan (catatan amalan) yang kecil dan tidak (pula) yang besar, melainkan ia mencatat semuanya?” dan mereka mendapati apa-apa yang telah dilakukan mereka ada (tertulis di dalamnya). Dan (ingatlah) Tuhan kamu tidak menzalimi seorang pun.”*

Beruntunglah orang-orang yang berat timbangan amal kebbaikannya. Gembiralah mereka yang ketika di dunia sempurna solat lima waktu, yang menunaikan zakat, yang gemar meringankan beban orang dalam kesusahan, bersedekah, berbakti kepada kedua orang tuanya, mengeratkan silaturahmi, melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Allah SWT, memenuhi janji-janjinya serta menyempurnakan amanah yang dipertanggungjawabkan sama ada untuk dirinya mahupun kepada orang lain.

Ketiga: Ketika manusia dihisab, tidak ada seorang pun yang dizalimi. Hitungan Allah SWT adalah hitungan yang Maha Adil. Namun Rahmat Allah SWT yang maha luas dengan sifat Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, menjadikan kebaikan berupaya memadam keburukan seperti firman-Nya dalam surah Hud ayat 114:

...إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرٌ لِلذَّكِرِينَ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: “...Sesungguhnya amalan yang baik itu (terutama solat) menghapuskan amalan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang yang selalu mengingati Allah”.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Jadikan dunia sebagai ladang akhirat. Manfaatkan umur yang tersisa dengan memperbanyakkan kebaikan. Saban hari, kita sering dikejutkan berkenaan kes-kes kematian yang semakin meningkat tanpa mengenal usia di negara kita. Bersempena ‘Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat Kebangsaan 2025’, khatib ingin menyeru, marilah bersama-sama menjayakan program pendermaan organ kepada para pesakit kronik agar dengan usaha ini pesakit akan dapat peluang kali kedua untuk menjalani kehidupan sebagai hamba Allah SWT. Ia juga merupakan alternatif lain bagi menyelamatkan nyawa orang lain. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan ramai ulama dunia mengharuskan pendermaan organ dengan syarat tidak membawa kemudaratkan kepada penderma. Ia hendaklah dilakukan secara sukarela dan dengan niat ikhlas. Para perderma organ akan menerima ganjaran yang besar di sisi Allah SWT di atas kebaikan jariah yang dia sumbangkan kepada orang lain. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya: “Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak soleh yang mendoakan baginya.”
(HR Muslim)

Selain itu, mimbar turut memperingatkan kepada jemaah jumaat sekalian, marilah kita menjaga kesihatan diri serta keluarga kita agar dijauhi dari sebarang penyakit yang merbahaya seperti penyakit yang melibatkan jantung atau paru-paru. Berdasarkan Akta 852: Operasi Selamat Paru-Paru, menekankan bahayanya merokok termasuklah rokok elektronik atau vape yang boleh merosakkan paru-paru. Semoga kita dapat menjaga anugerah Allah ini dengan menjauhi sebarang kemudaratan terhadap diri sendiri serta menjadi contoh yang baik kepada ahli keluarga dan masyarakat.

Bagi menyimpul khutbah hari ini, mimbar sekali lagi menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Hari kiamat adalah benar dan umat Islam wajib beriman dengannya serta dituntut membuat persiapan diri.

Kedua: Perbanyakkan amal soleh, jauhi amalan syirik dan tinggalkan maksiat. Sentiasa beristighfar, membaca Al-Quran dan bersolat sunat taubat setiap hari agar pengakhiran kita sentiasa dalam keadaan bersih daripada dosa dan noda.

Ketiga: Sentiasa memohon maaf dan bersifat pemaaf, menjalin hubungan silaturahim dan menjadi manusia yang bermanfaat pada diri dan masyarakat. Jadikan akhlak mulia sebagai pakaian kerana ia memberatkan amal timbangan sebagaimana sabda Baginda SAW **yang bermaksud:** *“Tidak ada sesuatu yang lebih berat timbangan amalannya, melainkan dari akhlak yang mulia.”* (HR Tirmidzi)

Keempat: Gunakanlah segala nikmat dan anugerah yang dikurniakan kepada kita dengan sebaiknya dan jangan sesekali

mengkhianati atau sengaja merosakkanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (amanah itu)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ،

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah

kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.